

# Jumlah penyenaraian IPO 2023 dijangka lebih tinggi

Bursa Malaysia kekal antara bursa serantau teratas di ASEAN

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Pasaran** tawaran awam permulaan (IPO) Malaysia dijangka sekali lagi mencatatkan perkembangan memberangsangkan pada tahun ini, dengan jumlah yang lebih tinggi berbanding 35 dicatatkan pada 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Muhammad Umar Swift, berkata jumlah penyenaraian di pasaran tempatan pada tahun lalu adalah lebih tinggi daripada yang direkodkan pada 2021, iaitu sebanyak 30 IPO.

Katanya, Bursa Malaysia turut menjangkakan bahawa dana yang diperoleh tahun ini akan lebih besar daripada tahun lalu disebabkan oleh banyak kecairan yang berlaku pada masa ini.

"Kita sudah mempunyai tanda kukuh pada Januari dan ia memberi petanda baik untuk baki keseluruhan tahun ini."

"Saya fikir perkara utama, Malaysia sebagai negara perdagangan dipengaruhi oleh faktor luaran, terutama pendirian Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) menaikkan kadar faedah dan pelbagai isu ekonomi global."

"Pada peringkat tempatan, apa yang berlaku itu adalah petanda baik untuk pasaran," katanya selepas majlis memorandum perjan-

jian Perangkaan Malaysia x Bursa Malaysia Berhad

Rabu, 4 Januari 2023



Muhammad Umar (dua dari kanan) dan Mohd Uzir bertukar dokumen sambil diperhatikan Abdul Wahid dan Timbalan Ketua Perangkaan Program Ekonomi, Datin Sri Rozita Talha pada majlis memorandum perjanjian persefahaman antara Bursa Malaysia dan DOSM di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

jian persefahaman antara Bursa Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

**Jumlah IPO kedua tertinggi 2022**  
Jumlah dana yang diperoleh daripada IPO meningkat secara berterusan sejak tiga tahun lalu daripada RM2 bilion pada 2020, kepada RM2.75 bilion pada 2021 dan RM3.15 bilion sehingga November 2022.

Pada peringkat serantau, Bursa Malaysia kekal sebagai salah satu bursa serantau teratas di ASEAN dengan jumlah IPO kedua tertinggi untuk 2022 selepas Indonesia.

Sementara itu, Pengerusi Bur-

sa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi kukuh dalam sembilan bulan pertama 2022 berbanding negara Asia Tenggara yang lain.

Beliau berkata, purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 9.3 peratus berikutan pertumbuhan KDNK suku ketiga 2022 sebanyak 14.2 peratus.

Ini, katanya, menjadikan ketahanan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran global semasa menawarkan potensi besar untuk menarik pelabur domestik dan asing kepada pasaran modal negara.

"Bagi merekodkan prestasi memberangsangkan, penggalan lebih banyak penyertaan pelabur dalam pasaran modal negara adalah perlu."

"Ini bagi memangkin pertumb-

uhan ekonomi serta menyokong pertumbuhan jangka panjang dan mampan negara," katanya.

Bursa Malaysia menjalin kerjasama DOSM bagi membolehkan kedua-dua pihak berkongsi data makroekonomi bagi mengenal pasti trend penting dan pemahaman untuk membangunkan modal pasaran.

Perkongsian itu membolehkan DOSM dan Bursa Malaysia berkongsi data demografik, statistik makroekonomi dan laporan.

DOSM pula akan memperoleh akses kepada pangkalan data berhubung syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, termasuk statistik dagangan.

Di bawah terma perjanjian, DOSM dan Bursa Malaysia berpeluang menjalankan eksplorasi di dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama ke arah pembangunan modal pasaran.